

# myLibrary

SURAT BERITA PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

- Mac 2008
- Bilangan 02

## Menarik di dalam

- rencana - Bilik Rujukan Elektronik... 3
- wawancara - Program Pendidikan Pengguna... 6
- bicara buku ... 16
- perkhidmatan & kemudahan ... 18
- fikrah - Kerja sebagai Satu Ibadah... 21
- aktiviti - Kursus di Melaka... 24



**Bilik Rujukan  
Elektronik**

**Pusat Maklumat Elektronik PSAS**

ISSN 1675-4808



9 771675 480008

## MINDA PENGARANG

### SIDANG PENGARANG

**Penaung:** Prof. Dr. Nik Mustapha  
R. Abdullah

**Penasihat:** Amir Hussain Md. Ishak

**Ketua Pengarang:** Hafizah Hassan

**Timbalan Ketua Pengarang:**

Hawa Abdul Majid

**Pengarang:** Mohd Noorsyafizal

Che Lan@Ahmad

**Sub-Editor:**

Azana Abd Hadi

Azian Edawati Hj Zakaria

Azizah Zainal Abidin

Erni Suraya Abdul Aziz

Haris Dahlan

Khairil Ridzuan Khahirullah

Nor Hajar Abu Bakar

Norhafizah Abdul Latif

Salmah Abdullah

Samsida Samsudin

Siti Razimah Mohd Noor

Zulkifli Abdul Jamil

Zuhaini Abdul Samad

Zulkifli Othman

**Jurufoto:**

Sulaiman Yasir

**Pengedaran/Pemasaran:**

Aidamaslia Yaakop

Zainal Jaafar

Zainuddin Idris

My Library merupakan surat berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM. Tujuan penerbitannya adalah untuk menyampaikan informasi tentang PSAS di samping berita semasa, laporan dan rencana berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang terdapat di Perpustakaan utama dan Perpustakaan cawangan.

Hantarkan komen dan pendapat anda kepada kami ke arah meningkatkan lagi mutu penerbitan My Library. Surat menyurat dan kiriman artikel sila alamatkan kepada:

**Pengarang My Library,  
Perpustakaan Sultan Abdul Samad,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor.**

**Tel: 03-89467948**

**Faks: 03-89483745**

**E-mel: [suzila@lib.upm.edu.my](mailto:suzila@lib.upm.edu.my)**

# My Library 2 teruskan KESINAMBUNGAN AURA PSAS

Alhamdulillah syukur kita kepada ALLAH SWT serta selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW.

Pertama sekali kesyukuran yang tidak terhingga hanya dipanjatkan kepada ALLAH SWT kerana dengan izinnya My Library 2 dapat diterbitkan walaupun setelah agak lama semenjak penerbitan pertamanya tidak diterbitkan. Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perkhidmatan Sokongan kerana memberi peluang kepada saya yang juga staf baru di Perpustakaan ini untuk menjadi pengarang bagi penerbitan My Library edisi kali ini.

Walaubagaimanapun tanggungjawab yang saya kira agak berat untuk dipikul ini, akhirnya menjadi ringan setelah mendapat sokongan dan bantuan dari warga PSAS yang berpengalaman dalam menguruskan penerbitan My Library terutama sekali Puan Hawa Abdul Majid dan En Mohd Rusdy Hasan.

Penerbitan My Library kali ini masih lagi tidak tersasar daripada tujuan asalnya iaitu menyebarkan maklumat mengenai dasar, perancangan dan aktiviti PSAS. Dalam masa yang sama, My library ini mempromosi PSAS sebagai pusat sumber maklumat dan gedung ilmu yang menawarkan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan yang terbaik.

Surat berita My Library ini juga kekal menjadi wadah bagi seluruh warga PSAS bagi menzhahirkan misi dan visi PSAS yang selaras dengan visi dan misi UPM. Selain itu, My Library juga mampu menjadi perantara antara PSAS dengan mahasiswa dan seluruh warga UPM dalam menyampaikan aspirasi PSAS ke arah kegirangan pelanggan. Malah penerbitan My Library juga dapat memupuk budaya membaca dan meneruskan tradisi keilmuan yang menjadi pegangan dalam pembentukan dan pembangunan sesebuah pusat ilmu dan maklumat seumpama PSAS.

Akhir kata, selaku pengarang penerbitan My Library, apa yang diharapkan ialah sokongan dan kerjasama yang utuh dari semua pihak. Seperti yang diperkatakan oleh bekas pengarang surat berita ini, My Library adalah hak kita semua. Justeru bersama-samalah kita menyumbang idea untuk memantapkan lagi keluaran akan datang bagi meningkatkan lagi imej PSAS yang kini sedang dilanda aura perubahan.

**"My Library, My Team"**

**PENGARANG**



# BILIK RUJUKAN ELEKTRONIK

## Pusat Maklumat Elektronik PSAS

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

**B**ilik Rujukan Elektronik (BRE) merupakan salah satu kemudahan utama yang disediakan oleh Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) kepada pelajar dan juga seluruh warga PSAS. Lokasinya amat strategik iaitu di Tingkat Satu Blok A berhadapan dengan pintu masuk utama. Pada masa ini BRE mempunyai 78 buah terminal komputer yang dilengkapi sambungan internet serta kemudahan 'CD-Writer'.

Pengguna boleh menggunakan komputer yang disediakan ini untuk mencari maklumat daripada pangkalan data CD-ROM, pangkalan data dalam talian dan internet bagi tujuan akademik sahaja.

Pihak Perpustakaan menggunakan sistem berpusat bagi memantau semua aktiviti penggunaan komputer di bilik ini. Pengguna perlu mendaftar (sekali sahaja) di kaunter BRE sebelum menggunakan komputer. Pengguna dikehendaki untuk 'login' setiap kali menggunakan komputer. 'Login id' dan 'login password' adalah nombor matrik/staf. Setiap pengguna dinasihatkan menukar 'kata laluan' dari semasa ke semasa bagi memastikan no matrik/staf tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh sebab permintaan ke atas penggunaan

bilik ini terlalu tinggi, setiap pengguna hanya dibenarkan menggunakan komputer di bilik ini selama 2 jam sehari. Waktu perkhidmatan BRE adalah seperti berikut:

| SEMESTER       |                         |
|----------------|-------------------------|
| Isnin - Jumaat | 8.30 pagi - 10.30 malam |
| Sabtu & Ahad   | 8.30 pagi - 3.30 petang |
| CUTI SEMESTER  |                         |
| Isnin - Jumaat | 8.30 pg - 6.00 petang   |
| Sabtu & Ahad   | Tutup                   |

### PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN

#### Pangkalan Data CD-ROM

BRE menempatkan koleksi CD-ROM (indeks & abstrak) untuk membantu pengguna mencari maklumat yang diperlukan. Pangkalan data ini menyenaraikan abstrak artikel-artikel

daripada jurnal yang merangkumi pelbagai bidang. Pengguna perlu memohon di kaunter BRE untuk menggunakannya. Judul CD-ROM yang dilanggan oleh PSAS dan ditempatkan di BRE adalah:

- ABI/INFORM
- AGRICOLA
- AGRIS
- ASFA (Aquatic Sciences and Fisheries Abstracts)
- BEASTCD
- Biological Abstracts
- Business Periodicals (ProQuest)
- CA on CD (Chemical Abstract)
- CAB Abstracts
- CABPESTCD
- Chemical Abstracts
- Compendex Plus
- Computer Select
- Dissertation Abstracts
- ERIC
- Family & Society Studies
- FHN (Food & Human Nutrition) in AGRIS
- Forest Science Database
- FSTA (Food Science and Technology Abstracts)
- HORTCD
- KIT Abstracts (TROPAG and RURAL)
- MLA
- MUSE (Music Search)
- POPLINE (Population Studies)
- Psycit
- SCI (Science Citation Index)
- SSCI (Social Science Citation Index)
- SOILCD
- SPORT Discus
- TREECD

### Pangkalan Data / Jurnal Dalam Talian

Pengguna digalakkan mencari maklumat dari pangkalan data / jurnal dalam talian yang dilanggan. PSAS telah melanggan kepada pangkalan data / jurnal dalam talian antarabangsa dan tempatan. Ia boleh dicapai menggunakan internet dari laman web PSAS. Kebanyakan pangkalan data / jurnal ini boleh diakses dari dalam kampus UPM sahaja. Pangkalan data / jurnal yang bertanda \* boleh diakses dari luar UPM dengan kata laluan tertentu.

#### a. Pangkalan Data Antarabangsa

(<http://www.lib.upm.edu.my/bm/mejour.html>)

- Academic Search Premier (EBSCOhost) \*
- ACM Digital Library
- ACS (American Chemical Society) Publications
- American Institute of Physics and The American Physical Society (AIP/APS)
- ASCE Online Journals
- ASME (American Society of Mechanical Engineers International) Publications
- BioOne fulltext
- Blackwell Synergy \*
- Business Source Complete (EBSCOhost) \*
- CAB ABSTRACTS (Web SPIRS)
- CABI Primary Journals
- Communication & Mass Media Complete (EBSCOhost) \*
- CINAHL w/Full Text (EBSCOhost) \*
- CINAHL SELECT (EBSCOhost) \*
- Cochrane Controlled Trials Register (EBSCOhost) \*
- Cochrane Database of Systematic Reviews (CDSR) (EBSCOhost) \*
- CSA Illumina
- Computer Database
- Database of Abstracts of Reviews of Effectiveness (EBSCOhost) \*
- Education Research Complete (EBSCOhost) \*
- Emerald Fulltext
- ERIC (EBSCOhost) \*
- Global Market Information Database (GMID): Euromonitor Plc
- Health Business FullTEXT Elite (EBSCOhost) \*
- IEEE Xplore
- Institute of Physics Electronic Journals
- Journal Citation Reports (JCR)
- Lecture Notes in Computer Science
- MAS Ultra - School Edition (EBSCOhost) \*
- MEDLINE with FullText (EBSCOhost) \*
- MEDLINE Select (EBSCOhost) \*
- Military & Government Collection (EBSCOhost) \*
- MLA (Modern Language Associations) database
- Ovid Online \*
- Proquest Health & Medical Complete
- ProQuest ABI/INFORM Global
- ProQuest Agriculture Journals
- ProQuest Digital Dissertations
- PsycARTICLES (EBSCOhost) \*
- Psychology & Behavioral Sciences Collection (EBSCOhost) \*
- RefWorks \*
- Regional Business News (EBSCOhost) \*
- Science Direct \*
- SciFinder Scholar
- Scopus \*
- SPORTDiscus (EBSCOhost) \*
- SpringerLink \*
- Wiley InterScience \*
- World Scientific Computer Science Journals

#### b. Jurnal Antarabangsa

(<http://www.lib.upm.edu.my/bm/mejour.html>)

- Blood
- Buletin Kajiucaca Pertanian
- Drugs \*
- International Sportmed Journal: ISMJ \*

- Journal of Medical Microbiology
- Journal of the American Animal Hospital Association
- Silvae Genetica \*
- Taylor & Francis
- Times Higher Education Supplement (THES) \*

### c. Pangkalan Data Tempatan

(<http://www.lib.upm.edu.my/bm/mextdbase.html>)

- Pangkalan Data AGRIS (FAO)
- LawNet (Online Library of Malaysian Laws) \*
- MASTICLink
- NSTP E-media (NSTP Integrated Electronic Information System)
- PALMOILIS \*
- SIRIMLINK \*

Pengguna boleh mendapatkan nasihat serta tunjuk ajar cara-cara menggunakan pangkalan data CD-ROM atau pangkalan data / jurnal dalam talian daripada sumber-sumber seperti di bawah:

- panduan penggunaan (Help / User guide) daripada pangkalan data berkenaan.
- kelas Program Pendidikan Pengguna yang dikendalikan oleh PSAS.
- bertanya di kaunter BRE atau Meja Penasihat Pengguna.
- brosur yang diterbitkan oleh PSAS.

**BRE** adalah di bawah kelolaan Bahagian Rujukan, PSAS. Segala pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai BRE sila hubungi talian 03-89468638 / 8623 / 8622 / 8621.



### Peraturan Penggunaan Bilik Rujukan Elektronik

1. Perkhidmatan / kemudahan di Bilik Rujukan Elektronik hanya untuk pelajar dan kakitangan UPM sahaja.
2. Had masa akses Internet adalah **dua jam sehari** kepada setiap pengguna, di mana setiap penggunaan dihadkan selama **1 jam sahaja**.
3. Penggunaan komputer Internet diutamakan untuk **tujuan penyelidikan**.
4. Pengguna boleh menerima atau menghantar e-mel.
5. Pengguna dilarang melawat laman-laman web berunsur lucah dan sensitif serta perkhidmatan pesanan atau **'chatting'**.
6. Hanya seorang pengguna sahaja dibenarkan mengguna setiap komputer pada satu-satu masa.
7. Pihak PSAS menghormati hak 'privacy' setiap pengguna. Walau bagaimanapun, pihak kami juga berhak untuk memantau penggunaan internet bagi memastikan semua peraturan dipatuhi.
8. Pihak PSAS tidak bertanggungjawab kepada keselamatan pertukaran maklumat atau transaksi yang dibuat melalui internet.
9. Pegawai PSAS akan membantu pengguna-pengguna sekiranya diperlukan.
10. Pengguna tidak dibenarkan mengubah / mengalih perkakasan komputer / perabot.
11. Pengguna tidak boleh menggunakan program perisian mereka sendiri untuk mengelakkan virus.
12. Akta Hak Cipta melarang sebarang penyalinan atau pengedaran bahan yang dilindungi oleh akta berkenaan. Segala tanggungjawab yang terbit dari penyalahgunaan hakcipta atau sebarang penyalahgunaan adalah tertanggung oleh pengguna.
13. Semua pengguna perlu menunjukkan kad matrik semasa mendaftar.
14. Pelanggaran atau ketidakpatuhan pengguna kepada peraturan-peraturan di atas / peraturan umum Perpustakaan boleh menyebabkan pengguna dikenakan salah satu daripada tindakan-tindakan berikut:
  - Digantung serta merta daripada mendapatkan semua kemudahan perkhidmatan di Bahagian Rujukan.
  - Digantung keahlian perpustakaan selama empat minggu.
  - Digantung keahlian perpustakaan selama lapan minggu untuk kesalahan kali kedua.
  - Digantung keahlian perpustakaan selama satu semester bagi kesalahan kali seterusnya.
  - Denda tidak melebihi RM200.00.
  - Memaklumkan kepada TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

# Program Pendidikan Pengguna Patut diwajibkan kepada mahasiswa?

**P**rogram Pendidikan Pengguna merupakan salah satu perkhidmatan penting yang ditawarkan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) untuk pengguna terutamanya pengguna baru perpustakaan. Menyedari peri pentingnya program ini kepada pengguna dan warga UPM pengarang My Library Mohd Noorsyafizal menemubual Ketua Bahagian Pengurusan Maklumat, Nor Hajar Abu Bakar untuk mengetahui secara lebih dekat tentang program ini. Ikuti sesi wawancara My Library bersama individu yang bertanggungjawab merancang dan menggerakkan program ini di PSAS.

**Bolehkah puan terangkan serba sedikit mengenai program pendidikan pengguna PSAS?**

Program Pendidikan Pengguna yang kita sediakan terbahagi kepada 3 kategori iaitu Sesi Pengenalan Perpustakaan (SPP), Permohonan dan Berjadual. Modul SPP disediakan untuk memberi kefahaman serta panduan kepada para pelajar baharu tentang perkhidmatan, kemudahan, koleksi serta prasarana PSAS secara umum. Sesi ini selalunya dilaksanakan semasa kemasukan pelajar baharu sama ada peringkat prasiswazah atau pascasiswazah. Kami juga menerima permohonan dari pihak fakulti untuk menyediakan kelas-kelas untuk tujuan ini. Modul dirangka khusus berdasarkan disiplin pengajian untuk kumpulan berkenaan. Permohonan lazimnya untuk pelajar tahun akhir yang akan membuat projek atau latihan ilmiah.

Pada masa yang sama pihak kami melaksanakan kelas-kelas berpandukan jadual yang disediakan sepanjang tahun. Kelas-kelas berjadual mengandungi modul pengajaran Kemahiran Pencarian OPAC, Strategi Pencarian Maklumat, Penggunaan Pangkalan Data, Penilaian Maklumat, sesi Demonstrasi dan Amali.

**Bagaimanakah sambutan yang diterima daripada pengguna (mahasiswa, pensyarah)?**

Sambutan daripada para pelajar baharu terutama daripada kalangan pasca-siswazah sangat menggalakkan. Kelas-kelas berjadual yang disediakan di awal sesi pengambilan para pelajar baharu sentiasa dipenuhi oleh para pelajar. Sambutan daripada ahli akademik terhadap sesi latihan pangkalan-data yang dijalankan dari semasa ke semasa juga memuaskan, tetapi PPP Berjadual bagi pengambilan

semester kedua pelajar ijazah dan lepasan ijazah baru-baru ini kurang mendapat sambutan kecuali kelas-kelas yang dimohon khas oleh sebilangan pensyarah. Kami sangat memerlukan sokongan dari para pensyarah kerana para pelajar pasti akan hadir atas 'arahan' pensyarah.

**Cara-cara yang dilakukan untuk mempromosikan program ini?**

Kami menyediakan perkhidmatan Pustakawan Penghubung di mana seorang Pustakawan akan dilantik dan bertanggungjawab secara langsung ke atas Fakulti, Institut, Pusat, atau Akademi yang diwakili. Dalam masa yang sama pihak Fakulti juga dimohon untuk melantik seorang wakil bagi tujuan yang sama. Promosi secara khusus di PTJ akan dilaksanakan melalui Pustakawan Penghubung. Saluran media seperti bulletin Putra dan Putra FM juga digunakan selain dari poster, bunting dan 'leaflets'

**Apakah faedah-faedah yang akan diperolehi pengguna sekiranya mereka menyertai program ini?**

Pengguna akan dapat membina kemahiran di dalam kaedah pencarian maklumat dengan cekap dan berkesan. Selain itu, pengguna boleh mengenal pasti dan mengakses maklumat dari pelbagai sumber. Diberi pendedahan tentang perkhidmatan dan

kemudahan yang disediakan. Pendekatan ini akan membuat pengguna lebih berdaya dan berkeyakinan di dalam memperoleh ilmu dan maklumat untuk pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

**Pada pendapat puan patutkah program ini menjadi program wajib kepada para mahasiswa semasa pengajian mereka di UPM?**

Para pelajar perlu ada kemahiran pencarian maklumat dengan berkesan sekurang-kurangnya kemahiran pencarian OPAC. Di peringkat awal ia dapat membina keyakinan diri di dalam persediaan sebagai pelajar Pusat Pengajian Tinggi. Pengalaman kami ramai pelajar di tahun akhir masih tidak tahu mencari maklumat dengan betul. Justeru, saya sangat bersetuju sekiranya program ini diwajibkan kepada semua mahasiswa

**Jika puan boleh terangkan, sejauh manakah keberkesanan program ini kepada pengguna? Adakah mekanisme tertentu yang digunakan untuk memantau keberkesanan program ini kepada pengguna perpustakaan?**

Pengukuran keberkesanan program ini secara khusus masih belum dibuat tetapi soal selidik PSAS yang telah dijalankan sejak 3 tahun yang lepas menunjukkan pencapaian yang memuaskan di kalangan pengguna terhadap PPP yang disediakan. Matlamat kami sekarang ialah kaedah untuk menggalakkan pelajar menghadiri program yang kami sediakan sepanjang masa. Kami bersyukur kerana kaedah pemberian merit kepada pelajar baharu menghadiri kelas-kelas di awal sesi pengambilan pelajar baharu telah melonjakkan statistik kehadiran daripada 65% pada tahun 2006 kepada 94% untuk tahun 2007. Setinggi penghargaan kepada pihak HEP dan Kolej-Kolej Kediaman kerana memberi kerjasama. Mekanisma pemberian merit adalah kaedah yang berkesan untuk menggalakkan kehadiran dan kini kami perlu memberi penekanan terhadap pengisian / kandungan dan memastikan pelajar akan terus bersama kami sepanjang pengajian mereka di sini.

**Siapa yang terlibat mengendalikan program ini?**

Kesemua Pustakawan di Bahagian Pengurusan Maklumat terlibat secara langsung dengan PPP. Setiap daripada mereka adalah Pustakawan Penghubung. Bagi sesi Pengenalan Perpustakaan, semua Pustakawan di PSAS akan bersama-sama membantu melaksanakan kelas-kelas.



**Kekerapan Program Pendidikan Pengguna diadakan?**

PPP (untuk pelajar baharu) dijalankan setiap pengambilan pelajar baharu (pra siswazah & pasca siswazah) dan pengambilan Semester Kedua. PPP Berjadual disediakan sepanjang tahun dan jadual akan dipaparkan dan diedarkan melalui Buletin dan papan kenyataan di PSAS dan Fakulti. Kelas melalui permohonan adalah terbuka terutama kepada para pensyarah dan penyelaras tahun akhir.

**Apakah harapan puan untuk kejayaan Program Pendidikan Pengguna ini di masa hadapan?**

Keberkesanan PPP berkait rapat dengan perhubungan dua hala antara Fakulti dan PSAS. Justeru kedua-duanya harus ada keserasian dan saling bekerjasama. Perkhidmatan Pustakawan Penghubung adalah untuk dimanfaatkan oleh anda dan wujudnya kita di UPM adalah dengan tujuan yang sama iaitu untuk 'Berilmu Berbakti' memberi sumbangan kepada penerokaan ilmu dan kemajuan manusia. Harapan saya semoga sumbangan kami dapat menyokong dan seterusnya menerima sokongan daripada semua.

## PSAS dapat WARGA BARU

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

PSAS menerima 14 orang pustakawan baru pada bulan Julai hingga Oktober lalu. Pustakawan-pustakawan baru ini ditempatkan di setiap Bahagian perpustakaan. Pengambilan pustakawan baru ini adalah bertujuan memantapkan lagi perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna perpustakaan yang semakin bertambah dan relevan dengan keperluan PSAS untuk memberi perkhidmatan yang terbaik untuk para penggunanya. Di samping itu seramai 20 orang pembantu perpustakaan dan 2 orang pembantu penerbitan, seorang pembantu pemuliharaan serta seorang juruteknik juga telah melaporkan diri antara Februari hingga Julai lalu bagi memantapkan lagi perkhidmatan PSAS.

### PUSTAKAWAN

Mohd Noorsyafizal Che Lan @ Ahmad  
Nurul Ainie Mokhtar  
Fazlin Shamsudin  
Mohamad Jefri Mohamed Fauzi  
Norhazura Hamzah  
Mohd Dasuki Sahak  
Roziana Shamsuri  
Najah Mohd Ali  
Siti Khairiah Yusof  
Zubaidah Ibrahimi  
Akiza Roswati Abdullah  
Norhafizah Abdul Latif  
Nida Hidayati Ghazali  
Emelda Mohd. Hamid

### PEMBANTU PERPUSTAKAAN

Mohd Hafiz Che Mahasan  
Roni Iskandar Bin Adnan  
Sazali Ismail  
Shamila Syed  
Mohd Izarudin Idris  
Nurhaznita Mahmood  
Rafidah Razali  
Wan Mustaqimah Mohd Mazuky  
Wara Abdul Wahid  
Hadizah Nordin  
Mohammad Nazawawi Ismail  
Hafizuddin Hamidon

Mohd Qadri Abdullah  
Muhd Ikmal Fairuz Muhammad Noor  
Nor Hasnita Abdul Samat

### JURUTEKNIK

Sulaiman Yasir

### PEMBANTU PEMULIHARAAN

Mohd Fahmi Sabrawi

### PEMBANTU PENERBITAN

Noor Adlin Mohd Saroni  
Azliil Abdullah



Antara warga baru PSAS ketika jamuan Aidilfitri

## WAKTU Operasi BARU PSAS

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

Selari dengan perubahan cuti perkhidmatan awam, pihak pengurusan perpustakaan juga telah mengubah waktu perkhidmatannya kepada pengguna. Pengguna perpustakaan diharap dapat merangka kembali jadual aktiviti masing-masing di perpustakaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan ketika berurusan dengan perpustakaan. Berikut adalah jadual waktu perkhidmatan bagi ketiga-tiga perpustakaan di UPM.

### WAKTU PERKHIDMATAN Perpustakaan Sultan Abdul Samad

| HARI                | SEMESTER                 | CUTI SEMESTER           |
|---------------------|--------------------------|-------------------------|
| Isnin - Jumaat      | 8.00 pagi – 11.00 petang | 8.00 pagi – 6.30 petang |
| Sabtu (ke-2 & ke-4) | 8.00 pagi – 4.00 petang  | Tutup                   |
| Ahad                | 8.00 pagi – 4.00 petang  | Tutup                   |

Sabtu pertama ketiga dan cuti umum ditutup

### Perpustakaan Perubatan & Sains Kesihatan (Kampus Serdang)

| HARI                       | SEMESTER                | CUTI SEMESTER           |
|----------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Isnin - Jumaat             | 8.00 pagi – 9.00 petang | 8.00 pagi – 9.00 petang |
| Sabtu - Ahad dan Cuti Umum | Tutup                   | Tutup                   |

### Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan (Kampus Klinikal, Grand Seasons)

| HARI                       | SEMESTER                | CUTI SEMESTER           |
|----------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Isnin - Jumaat             | 8.00 pagi – 6.30 petang | 8.00 pagi – 6.30 petang |
| Sabtu - Ahad dan Cuti Umum | Tutup                   | Tutup                   |

### Perpustakaan Perubatan Veterinar

| HARI                       | SEMESTER                | CUTI SEMESTER           |
|----------------------------|-------------------------|-------------------------|
| Isnin - Jumaat             | 8.00 pagi – 6.00 petang | 8.00 pagi – 5.00 petang |
| Sabtu - Ahad dan Cuti Umum | Tutup                   | Tutup                   |




# PENGSTRUKTURAN SEMULA

## Perpustakaan Sultan Abdul Samad

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

Bagi memantapkan lagi pengurusan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah melakukan pengstrukturkan semula pada pentadbirannya. Jentera pentadbiran PSAS yang diteraju Ketua Pustakawan iaitu Encik Amir Hussain dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pustakawan. Setiap Timbalan Ketua Pustakawan memegang dua portfolio berbeza iaitu Perancangan & Pembangunan dan Perkhidmatan. Bagi lantikan baru ini Timbalan Ketua Pustakawan Perancangan & Pembangunan ialah Cik Hafizah Hassan manakala Timbalan Ketua Pustakawan Perkhidmatan pula ialah Puan Rabiah Ismail.




## PSAS edar **BUKU PANDUAN PERPUSTAKAAN** versi Bahasa Inggeris

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

Buat pertama kalinya PSAS menerbitkan "Library Guide" atau buku panduan perpustakaan versi Bahasa Inggeris kepada pengguna-penggunanya. Penerbitan "Library Guide" adalah bertujuan untuk memudahkan pengguna perpustakaan yang terdiri daripada warga asing yang melanjutkan pelajaran atau berkhidmat sementara di UPM. "Library Guide" akan memudahkan pengguna berurusan dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan berdasarkan panduan panduan tentang perpustakaan yang terkandung dalam "Library Guide". Penerbitan "Library Guide" secara tidak langsung menonjolkan keperihatinan pihak pengurusan PSAS terhadap pelanggannya dan perubahan-perubahan semasa di UPM.

## PSAS tingkatkan keselamatan dengan **KELENGKAPAN CCTV**

Dalam usaha menaik-taraf kemudahan keselamatan di perpustakaan pihak pengurusan PSAS telah mengambil langkah proaktif dengan memasang kamera litar tertutup (CCTV). 16 CCTV dipasang di beberapa tempat di blok A dan blok B bangunan perpustakaan. Pemasangan CCTV bertujuan untuk meningkatkan sekuriti di perpustakaan, terutamanya bagi mengelak kecurian bahan-bahan perpustakaan yang bernilai sehingga jutaan ringgit keseluruhannya. Dengan adanya CCTV kes-kes kecurian barang-barang peribadi juga dapat dielakkan dan dipantau dari semasa ke semasa. Menurut pustakawan Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat En Khairil Ridzuan Khahirullah, kelengkapan CCTV yang bernilai puluhan ribu ringgit ini mampu meningkatkan lagi keselamatan pengguna dan bahan perpustakaan dan berharap tidak ada pihak yang cuba menyalahgunakannya untuk kepentingan sendiri.



Buku panduan PSAS serta "Library Guide" untuk panduan pengguna PSAS




## PAMERAN PSAS TARIK PERHATIAN PENGUNJUNG

oleh: Norhafizah Abdul Latif


### MIND YOUR HEALTH, HARI DIABETES SEDUNIA

Bersempena dengan Hari Diabetes Sedunia yang berlangsung pada 14 November setiap tahun, Bahagian Perkhidmatan Sokongan telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu pameran berkaitan diabetes. Pameran yang bertemakan "Mind Your Health" ini telah diadakan di ruang pameran, Perpustakaan Sultan Abdul Samad bertujuan untuk mendedahkan mengenai risiko diabetes di kalangan masyarakat hari ini. Untuk menjayakan pameran tersebut, jawatankuasa pameran telah berkerjasama dengan Persatuan Diabetes Malaysia dan National Diabetes Institute (NADI) untuk mendapatkan bahan pameran berbentuk poster, risalah serta alatan perubahan yang berkaitan dengan diabetes. Selain itu, buku-buku berkaitan diabetes juga dipamerkan di ruang pameran dan boleh dipinjam oleh pengguna perpustakaan.

Pameran diabetes ini diadakan bukan sahaja untuk penghidap-penghidap diabetes malahan juga memberi pendedahan awal kepada kita untuk mengelakkan dari risiko menghidap diabetes. Bak kata pepatah, "mencegah lebih baik daripada mengubati".



Koleksi buku di PSAS juga turut dipamerkan



Mind Our Health for a Better Living

## Pameran 50 TAHUN MERDEKA

31 OGOS 2007, tahun ini genaplah 50 tahun negara tercinta kita, Malaysia menyambut Kemerdekaan. Perpustakaan Sultan Abdul Samad tidak ketinggalan untuk meraikan detik berharga ini. Satu pameran kemerdekaan telah diadakan di ruang legar pameran, PSAS sebagai tanda penghargaan kepada pejuang-pejuang negara. Pameran ini dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Encik Amir Hussain Md Ishak bertempat di Foyer Perpustakaan Sultan Abdul Samad pada 21 Ogos 2007 jam 3 petang. Semua warga PSAS bersamasama memeriahkan majlis perasmian tersebut. Acara dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Ketua Pustakawan PSAS. Beliau seterusnya merasmikan Pameran

50 Tahun Merdeka. Majlis diserikan lagi dengan persembahan pasukan koir PSAS yang terdiri dari staf PSAS. Mereka berjaya menyampaikan lagu-lagu patriotik dengan baik sekali sekaligus menaikkan semangat hadirin yang lain. Setinggi ucapan tahniah diucapkan kepada pasukan Koir PSAS yang tidak pernah mengecewakan. Seterusnya, tetamu kehormat diiring ke ruang pameran untuk menyaksikan bahan-bahan pameran yang dipamerkan. Poster-poster rentetan pencapaian Malaysia dari tahun 1950 sehingga kini menyerikan lagi sudut pameran tersebut. Ditambah dengan koleksi buku-buku edisi khas berkaitan kemerdekaan dan paparan video detik-detik kemerdekaan negara menarik

minat pelawat yang datang menyaksikan pameran tersebut.

Melalui pameran 50 tahun Merdeka, PSAS berjaya mencapai misi perpustakaan untuk menyediakan sumber, kemudahan dan perkhidmatan maklumat yang cemerlang mengenai kemerdekaan tetapi melalui kaedah yang berbeza.



Persembahan Koir PSAS serikan majlis perasmian



Pengguna perpustakaan turut tertarik dengan pameran kemerdekaan PSAS



En Amir ketika merasmikan pameran kemerdekaan PSAS



My Library! My Team! Kita Boleh!



Persembahan Koir PSAS mendapat sambutan hangat penonton

## Kontinjen PERBARISAN KEMERDEKAAN INTER PTJ UPM

oleh: Mohd Noorsyafizal Che Lan

Pada 18 Ogos yang lalu, kontinjen perbarisan kemerdekaan PSAS telah menyertai pertandingan perbarisan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Mengibarkan Jalur Gemilang 2007 UPM. Kontinjen PSAS selaku peserta yang komited dengan pertandingan ini telah membuat persiapan rapi sebelum hari pertandingan. Kontinjen yang melakonkan perjuangan kemerdekaan era 50an itu telah memberikan persembahan yang bertenaga pada pertandingan itu dan menghiburkan penonton yang hadir. Pentomen yang diiringi bacaan sajak patriotik telah mendapat tepukan gemuruh daripada penonton. Namun begitu adat pertandingan pasti ada yang menang dan kalah. Walaupun pulang tanpa sebarang gelaran Kontinjen yang diketuai Oleh En. Azhar Abd. Rahman selaku ketua perbarisan serta En. Mazalan Abdullah selaku pengarah pentomen tetap pulang dengan membawa kenangan manis membuat persembahan yang begitu menarik. PSAS juga telah menyertai pertandingan sorak dalam sambutan ini. Pasukan yang diketuai oleh Ketua Bahagian Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan ini, iaitu Puan Wan Faridah Wan Mansor menampilkan imej yang begitu menarik dengan mengenakan pakaian seragam kuning PSAS. Paling membanggakan ialah pasukan koir PSAS telah menjadi pasukan koir undangan bagi menyanyikan lagu-lagu



Pasukan perbarisan PSAS memberikan persembahan yang bertenaga

patriotik sejeurus selepas tamat acara perbarisan di Dewan Besar PKKSSAAS, UPM. Pasukan koir PSAS yang cukup dikenali di UPM menyampaikan lagu Jalur Gemilang, Keranamu Malaysia dan Cemerlang, Gemilang, Terbilang. Pasukan yang diketuai En Musa Dawood ini telah menyampaikan persembahan dengan begitu bersemangat di hadapan ratusan penonton dan tetamu kehormat pada majlis itu iaitu Y.Bhg. Datuk Dr. Zulkifli bin A. Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Naib Canselor UPM Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Sasterawan Negara, Dato' A Samad Said. Tahniah PSAS!

## PERPUSTAKAAN JUARA PING-PONG WANITA DI KEJOHANAN SUKAN STAF 2007

Serdang - Perpustakaan muncul juara ping-pong wanita yang julung kali diadakan dalam Kejohanan Sukan Staf 2007 yang bermula pada 9-15 Mei yang lepas. Pasukan ping-pong wanita Perpustakaan telah diperkuatkan oleh pemain seperti Azian Edawati Zakaria, Junaini Mohd Yusof, Siti Raziah Ruslay, Rohani Othman, Hafizah Mohd Su'ud dan Rohana Hashim. Mereka menewaskan 3 pasukan dalam Kumpulan B iaitu Pusat Pembinaan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) (2-1), Akademi Sukan (3-0), dan Pusat Islam (2-1), sebelum menumpaskan Naib Johan Kumpulan C, Fakulti Veterinar di perlawanan suku akhir (2-1). Di perlawanan Separuh Akhir, Perpustakaan mengalahkan Johan Kumpulan D, Fakulti Kejuruteraan (2-0) dan seterusnya menjuarai Ping-pong Wanita di Kejohanan Sukan Staf 2007 setelah menundukkan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) sekali lagi di perlawanan Akhir (2-0).



Juara Ping-pong Wanita, PSAS bergambar bersama Naib Juara dari Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) selepas perlawanan akhir pada 15 Mei 2007.

## JAMUAN HARI RAYA PSAS Eratkan Silaturrahim Staff

oleh: Norhafizah Abdul Latif

26 Oktober – Bersempena dengan perayaan Aidilfitri baru-baru ini, Kelab PSAS tidak ketinggalan memeriahkan suasana hari raya dengan mengadakan malam Aidilfitri di perkarangan Blok B, PSAS. Majlis yang meriah itu diserikan lagi dengan kehadiran bekas – bekas staf PSAS yang telah pun tamat perkhidmatannya dengan PSAS. En Mohd Rusdy Hasan, telah bertindak sebagai pengacara majlis bergandingan dengan bakat baru, saudara Azilil Abdullah dari Bahagian Perkhidmatan Sokongan. Pelbagai hidangan yang enak dihidangkan pada malam tersebut. Hadirin turut dihiburkan dengan dendangan lagu-lagu raya dari staf PSAS. Suasana hari raya memang benar-benar dirasakan pada malam tersebut ditambah dengan kehadiran warga PSAS lengkap memakai busana raya. Jamuan hari raya ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim staf PSAS. Tambahan pula jamuan hari raya kali ini juga disertai oleh ramai staf baru PSAS. Jamuan berakhir pada pukul 11 malam dengan setiap hadirin membawa pulang cenderamata sumbangan kelab PSAS. My Library My Team!



## Perpustakaan Sultan Abdul Samad: Menerap Budaya Kerja Berkualiti

oleh: Hawa Abdul Majid (Penyelaras Audit Dalaman, PSAS)



Dalam merealisasikan hasrat UPM untuk menjadi universiti bertaraf dunia (world class university), Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) komited untuk menjadi salah satu penyumbang yang aktif. Salah satu kaedah yang telah digunakan ialah dengan mematuhi Standard MS ISO 9001 : 2000 dalam melaksanakan tugas harian. PSAS sentiasa mementingkan pelanggan dan untuk itu dasar kualiti kami ialah untuk memenuhi ekspektasi pelanggan.

Dengan berlandaskan komitmen yang tinggi dari semua staf PSAS telah melepasi Audit Kepatuhan SIRIM pada 27-28 Jun 2005 dan telah dianugerahkan Persijilan ISO oleh SIRIM Bhd pada 22 September 2005. Tarikh keramat ini mencatat satu detik kejayaan yang amat bersejarah bagi kami semua di PSAS. Semangat kerja berpasukan terus dipupuk dan sistem pengurusan berkualiti dimantapkan lagi hari demi hari sehinggalah kami diuji lagi oleh SIRIM melalui Audit Pemantauan 1 pada 21 September 2006. Alhamdulillah, kami berjaya melepasi dan persijilan kami dikekalkan. Dari saat ini kami beriltizam untuk mengekalkan persijilan tersebut pada tahun berikutnya, dan ini juga menjadi realiti dengan kejayaan PSAS sekali lagi melepasi Audit Pemantauan 2 pada 4 - 5 September 2007 yang lalu. SYABAS WARGA PSAS.!

Tahun mendatang iaitu pada tahun 2008, kita akan diuji lagi dengan 'Reassessment Audit' oleh pihak SIRIM. Namun berkat komitmen yang tinggi dan budaya kualiti yang telah menjadi darah daging kita semua, InsyaAllah kita akan melaluinya dengan penuh semangat. Apa-apa pun perkhidmatan yang diberi oleh warga PSAS ialah hasil dari penerapan sistem pengurusan yang berkualiti. Sesungguhnya kejayaan kita adalah hasil usaha semua kerana budaya kerja berlandaskan kepatuhan kepada MS ISO 9001 : 2000 adalah pilihan kita. Bak kata pepatah orang : "Kini ladang yang diusahakan telah mengeluarkan hasil dan hasilnya telah dipasarkan".

# Kajian KEPUASAN PELANGGAN PSAS 2007

Oleh: Salmah Abdullah, Bahagian Rujukan, PSAS

Sejak tahun 2004, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menjalankan kajian kepuasan pelanggan untuk mendapatkan maklumbalas tentang tahap kepuasan bagi perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Perpustakaan. Kajian ini dikendalikan oleh staf di Bahagian Rujukan, PSAS.

Kajian tahun 2007 telah dilaksanakan dengan mengedarkan sejumlah 3600 borang soal selidik kepada staf UPM pada bulan Mei 2007 dan kepada pelajar UPM pada bulan Julai 2007. Borang soal selidik kepada staf telah diedarkan secara mel dalam, manakala borang soal selidik kepada pelajar diedarkan dalam Perpustakaan di kaunter-kaunter perkhidmatan dan dalam kelas-kelas program pendidikan pengguna di Perpustakaan mahupun di Fakulti.

## PENEMUAN KAJIAN

### Taburan Responden

Sejumlah 1736 borang soal selidik telah diperolehi kembali iaitu pulangan sebanyak 51.8%. Responden terdiri daripada 70.3%

pelajar ijazah, 11.2% pelajar ijazah lanjutan, 7.0% staf akademik dan 11.5% staf bukan akademik. Peratus responden yang tertinggi adalah dari Fakulti Sains (15.4%) diikuti dengan Fakulti Pengajian Pendidikan (12.0%) dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (11.6%).


### Kekerapan Menggunakan Perpustakaan

Majoriti responden menggunakan Perpustakaan dalam kekerapan yang tidak tetap/tentu (49.4%). Ini diikuti dengan kekerapan 2 hingga 3 kali seminggu (26.8%), lebih 4 kali seminggu (12.4%) dan setiap hari (9.1%). Seramai 2.3% responden tidak pernah menggunakan Perpustakaan.


### Pengukuran Tahap Kepuasan

Responden telah menilai perkhidmatan/kemudahan perpustakaan dengan penilaian sama ada 'sangat berpuashati', 'berpuashati', 'kurang berpuashati' atau 'tidak berpuashati'. Antara penemuan kajian adalah digambarkan dalam carta berikut


## A. Perkhidmatan / Kemudahan di Perpustakaan Utama (PU), Perpustakaan Perubatan & Sains Kesihatan (PPSK) dan Perpustakaan Perubatan Veterinar (PPV):




Carta 1: Waktu pembukaan perpustakaan




Carta 2: Koleksi buku




Carta 3: Koleksi jurnal




Carta 4: Susunan buku/jurnal di rak




Carta 5: Program pendidikan pengguna



Carta 6: Kemudahan komputer untuk OPAC




Carta 7: Kaunter perkhidmatan




Carta 8: Layanan staf

**B. Perkhidmatan / Kemudahan yang hanya terdapat di Perpustakaan Utama:**



Carta 9: Perkhidmatan di Perpustakaan Utama sahaja

**C. Perkhidmatan / Kemudahan am Perpustakaan :**




Carta 10: Perkhidmatan am Perpustakaan

**ULASAN KESELURUHAN**

Kajian Kepuasan Pelanggan PSAS 2007 yang dijalankan menunjukkan tahap kepuasan pelanggan yang lebih baik berbanding kajian tahun 2006 bagi kebanyakan perkhidmatan dan kemudahan yang disenaraikan. Walau bagaimanapun, soalan terbuka dalam kajian telah menampakkan beberapa aspek kelemahan yang perlu diambil tindakan atau dipertimbangkan untuk tindakan oleh pihak Perpustakaan seperti koleksi buku, koleksi jurnal cetak / atas

talian, pra-sarana, perkhidmatan di Bilik Rujukan Elektronik dan perkhidmatan pendaftaran rangkaian tanpa wayar (wireless).

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak PSAS mengenalpasti dan mempertingkatkan perkhidmatan / kemudahan / pra-sarana sedia ada di samping mengujudkan perkhidmatan / kemudahan / pra-sarana baru yang bermanfaat bagi pengguna PSAS.




**TAJUK:** RUPA DAN GAYA :  
BUSANA MELAYU  
**PENGARANG:** AZAH AZIZ  
**PENERBIT:** PENERBIT UKM  
**TAHUN PENERBITAN:** 2006  
**NO. ISBN:** 967-942-755-2  
**NO. PANGGILAN:** GT1530  
A991

Kreativiti dan keunikan cita rasa busana dan tekstil Melayu garapan Azah Aziz terungki indah dalam Rupa dan Gaya : Busana Melayu. Dalam buku yang penuh dengan nilai-nilai estetika ini menghimpun dan mengumpulkan ciri-ciri, unsur-unsur, sifat-sifat, adat resam dan artifak yang memancarkan nilai-nilai keindahan warisan orang Melayu. Istimewanya karya ini digarap dan disulam bersama keindahan syair, pantun, gurindam dan pelbagai ungkapan yang istimewa dalam budaya Melayu.

Penghasilan karya ini adalah dari hasil rujukan buku-buku mengenai tekstil dan busana, sebahagiannya pula dari ingatan serta pengalaman yang dilalui pengarang dari zaman kanak-kanak dan remaja hingga membawa ke usia beliau kini. Unsur-unsur estetika yang diketengahkan dikumpulkan dari hasil rujukan kepada sastera klasik Melayu dan juga hasil perbincangan serta penemuan beliau dengan orang-orang tua, yang serba arif lagi bijaksana dan kaya dengan ilmu dan pengalaman dalam bidang masing-masing.

Buku yang penuh dengan warna-warni ini telah menterjemahkan pengalaman dan jiwa peribadi pengarang. Karya ini bolehlah dianggap sebagai tanggungjawab beliau ke arah memelihara budaya Melayu yang kaya lagi unggul supaya tidak hilang dan lesap begitu saja.




**TAJUK:** COUNSELLING FOR  
POST-TRAUMATIC  
STRESS DISORDER  
**PENGARANG:** MICHAEL J.  
SCOTT  
**PENERBIT:** SAGE  
PUBLICATIONS  
**TAHUN PENERBITAN:** 2006  
**NO. ISBN:** 1-4129 - 2100 - 7  
**NO. PANGGILAN:** SD421.32  
W47A751

Counselling for Post-traumatic Stress Disorder, addresses the specifics of counseling clients who have suffered major trauma, whether recently or in the past, and includes 18 detailed case examples together with transcripts of sessions. The authors' cognitive contextual approach translates the psychobiology of trauma responses into clinically useful analogies and simple drawings that guide the therapist and client.

The book is unique in covering the diagnosis and treatment of the full spectrum of post-traumatic states. In this fully updated third edition the needs of special populations; children / adolescents, refugees and those in pain are also addressed. Additional material includes a new PTSD (post-traumatic stress disorder) screening inventory and a counseling competence scale.

There have been a number of studies of the long-term course of post-traumatic stress disorder. This book is an invaluable, comprehensive aid for both the experienced and novice therapist working with trauma victims.




**TAJUK:** IMAGERY IN SPORT  
**PENGARANG:** TONY MORRIS  
**PENERBIT:** HUMAN KINETICS  
**TAHUN PENERBITAN:** 2005  
**NO. ISBN:** 0-7360-3752-7  
**NO. PANGGILAN:** GV706.4  
M882

It has long been known that almost all elite athletes use imagery and that most sport psychologists apply imagery in working with athletes. But most material on the subject has been, to this point, relegated to single chapters in books, to journal articles or to conference proceedings.

Imagery in Sport addresses the breadth of what researchers and practitioners in sport psychology know about the topic and it treats each issue in depth, considering current theories and research on imagery and its application in sport. This book provides the most comprehensive look at the state of imagery and its uses in sport today. The authors take readers step by step through understanding, investigating, applying and advancing imagery in sport.

Imagery in Sport takes complex theories and presents them clearly, using examples from everyday sport contexts. The book helps readers become familiar with current knowledge about the topic and learn to view it with a critical eye. And it provides practicing sport psychologists with guidelines and strategies for using imagery to help athletes improve their performances.



**TAJUK:** FLAMES IN OUR  
FOREST : DISASTER OR  
RENEWAL?  
**PENGARANG:** STEPHEN F.  
ARNO  
**PENERBIT:** WASHINGTON,  
D.C. : ISLAND PRESS  
**TAHUN PENERBITAN:** 2002  
**NO. ISBN:** 1-55963-882-6  
**NO. PANGGILAN:** SD421.32  
W47A751

Flames in Our Forest is an excellent overview of the scientific, historical and social elements that are central to understanding and evaluating appropriate forest fire policies in the 21st century. This issue, as with all of the important natural resource issues, is a complex one. In a time of sound bites and slogans, this is the kind of book that is badly needed if we are to develop informed, effective policies.

This book is a nontechnical account of the fascinating story of fire in the forest that has unfolded from current scientific knowledge and experience. The goal of this book is to help how to appreciate the important of forest fire and show how some of the benefits of natural fire can be restored.

For students and others interested in further information, references to publications that elaborate on specific subjects are cited in the text (in parentheses) by author and date are listed alphabetically in the Reference section. Additionally, this book offers candid commentary on wild land fire management practices and policies.

Oleh: Zuhaini Abdul Samad

Susunan: Mohd Noorsyafizal Che Lan

## KHIDMAT PELANGGAN bukan Warisan Turun Temurun Organisasi

**Judul:**  
PENGURUSAN KHIDMAT PELANGGAN:  
PETUA DAN TEKNIK  
**Pengarang:**  
RAHMAT ISMAIL  
**Penerbit:**  
UTUSAN PUB. & DISTRIBUTORS SDN BHD  
**Pembaca:**  
Hawa Abdul Majid.

Buku karangan Allahyarham Rahmat Ismail ini merupakan salah satu tajuk terdapat dalam himpunan Siri Motivasi dan Kecemerlangan Utusan.

Buku ini memfokuskan tanggungjawab anggota organisasi dalam merealisasikan imej organisasi. Khidmat pelanggan yang berkualiti dan cemerlang dapat membentuk dasar kepercayaan, rasa tanggungjawab serta menentukan pengekalan juga pertambahan pelanggan.

Membincangkan beberapa aspek dalam pengurusan pelanggan seperti analisis diri dan pelanggan, hubungan kemanusiaan, budaya khidmat pelanggan yang cemerlang, kepentingan dan keberkesanannya serta kaedah merealisasikan khidmat pelanggan yang berkesan.

Menurut Puan Hawa, setelah membaca buku ini, barulah disedari bahawa khidmat pelanggan bukanlah satu bakat yang diwarisi turun temurun malah ia merupakan satu kemahiran yang boleh dipelajari oleh semua orang yang mementingkan kecemerlangan organisasinya. Malah kewujudan organisasi kita sendiri adalah bertujuan untuk mewujudkan pelanggan.

Akhirnya, amatilah kata-kata hikmat yang dipetik dari buku tersebut seperti di bawah ini:

“Perkhidmatan pelanggan yang cemerlang bukan sekadar melemparkan senyuman kepada pelanggan tetapi yang lebih penting ialah kita membuatkan pelanggan tersenyum.”

### Nota:

Ruangan ini mempelawa sesiapa yang berminat untuk berkongsi pengalaman, pengajaran, motivasi, dan apa sahaja perasaan yang terungkap selepas membaca sebuah buku. Kongsikan bersama pembaca My Library dengan menghantar kepada kami pengalaman anda yang berguna itu untuk melahirkan minat membaca kepada orang lain.

## Simple Practical, Entertaining and Thought Provoking Book

**Title:**  
S.U.M.O (SHUT UP, MOVE ON): THE STRAIGHT  
TALKING GUIDE TO CREATING AND ENJOYING A  
BRILLIANT LIFE  
**Author :**  
PAUL MCGEE, COPYRIGHT 2006.  
**Reader:**  
Hafizah Hassan

This is a review of the book read by PSAS Deputy Chief Librarian Miss Hafizah Hassan. A self-motivating bestseller introducing the 6 principles of SUMO (Shut Up, Move On), which is phrase to say to our self when we are acting or thinking in a way that is hindering our ability to succeed.

To ‘shut up, move on’ does not necessarily mean ‘get over it’. ‘Shut up’ means ‘stop what we’re doing, take time out to reflect and let go off baggage and beliefs that hinder our potential’. ‘Move on’ means ‘look for new possibilities, do not just think about it, but take action’. It is meant as an encouragement that whatever your past is, your future doesn’t have to be the same. Tomorrow can be different from today if that’s what you want.

The SUMO principle demonstrates that by taking responsibility for our life, we can fulfill our potential, seize opportunities, enjoy relationship, succeed at work and respond to adverse situations with a positive attitude. SUMO principle also encourages us to take an honest look at our life, remembering that it is never too late to change.

SUMO principle has been described to be ‘practical, motivating, entertaining and thought provoking’ by a few others who has read this book. It is filled with humor, insight, practical tips and personal anecdotes.

A few ‘SUMO wisdom’ to highlight:

- ‘If you want to know who is most responsible for where you are in life, take a look in the mirror’
- ‘Taking personal responsibility frees you from the trap of blaming, complaining and resenting.’
- ‘Do not adjust your goals to bring them in line with your life. Adjust your life to bring you in line with your goals’.



## Harus Pantas dan terkini.... Dr Afida

**K**olum pendapat pengguna kali ini memfokuskan tentang tahap kepuasan pelanggan dalam menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PSAS. Pihak My Library telah menemubual Dr Afida salah seorang pensyarah di Jabatan Bahasa Inggeris di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM. Sebagai seorang ahli akademik beliau kerap menggunakan bahan dan perkhidmatan yang disediakan PSAS. Ikuti komen beliau hasil daripada temubual pustakawan Azian Edawati dan Samsida Samsudin untuk keluaran My Library kali ini.

### 1. Selalukah mengunjungi PSAS?

Tidak kerap mengunjungi. Tetapi kerap akses bahan secara online di laman web PSAS.

### 2. Apakah kemudahan/perkhidmatan yang pernah/sering digunakan?

Saya pernah membuat ILL dan meminjam buku. Sering juga menggunakan online database, library catalogue, A-Z fulltext e-journal.

### 3. Apakah pendapat anda tentang perkhidmatan/kemudahan yang digunakan/diberi?

Pada pendapat saya, kemudahan yang diberikan adalah sederhana baik, tetapi sebagai pengguna tetap, kadang-kadang rasa tidak puas hati apabila carian saya tidak mendapat hasil. Ini barangkali ketidakpastian tentang cara mencari sesuatu rujukan tersebut. Saya

juga tidak puas hati jika sesuatu buku atau jurnal tidak ada di rak padahal buku itu ada dalam katalog dan belum dipinjam orang. Bila saya tanyakan hal ini, saya dinasihatkan mencari sendiri di ruang 'sorting'. Dalam hal ini, perjalanan buku itu selepas dipulangkan hendak diletakkan semula di rak adalah lama dan lembab. Alasan yang diberikan adalah kerana cuti itu dan ini, jadi tiada orang yang menyusun buku.

### 4. Adakah perkhidmatan/kemudahan yang diberi memenuhi kehendak/keperluan anda?

Barangkali boleh memenuhi jika kedua pihak saling bekerjasama. Sebagai seorang pensyarah dan penyelidik, bahan rujukan amat penting lebih lagi bila UPM sudah menuju kearah "Research University".. Jadi, proses dan cara untuk mendapatkan rujukan harus pantas. Kenapa saya lebih yakin mencari rujukan ketika di perpustakaan luar negara? Kerana saya tahu mereka ada bahan tersebut dan boleh mendapatkannya untuk saya. Cuma perlu isikan borang tentang bahan tersebut dan bahan tersebut akan dikirimkan terus ke fakulti saya. Tidak perlu pergi lagi ke perpustakaan untuk mengambilnya. Jika bahan tersebut ada di perpustakaan, satu surat pemberitahuan dihantar mengatakan bahawa bahan rujukan itu ada di perpustakaan berkenaan dan di mana letaknya bahan itu. Jika untuk buku, barulah perlu ke perpustakaan untuk mengambilnya.

### 5. Apakah cadangan anda untuk mengatasi @ memperbaiki perkhidmatan/kemudahan PSAS?

Harus pantas dan terkini dalam menyediakan bahan rujukan. Pengguna



**Dr. Afida Mohamad Ali**

Jabatan Bahasa Inggeris  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia.

mesti rasa yang apabila pergi ke PSAS, memang mereka boleh dapat apa-apa rujukan yang diinginkan. PSAS harus meyakinkan pengguna yang mereka pasti dapat sesuatu rujukan yang diinginkan. Barulah rasa puas hati. Kursus pendek untuk menerangkan penggunaan online database dan pencarian rujukan juga patut diadakan kerana ramai orang tidak pandai mencari rujukan, contohnya kompilasi, abstrak dan sebagainya.

### 6. Apakah pendapat anda tentang koleksi PSAS (tertentu @ keseluruhan)?

Koleksi linguistik boleh di luaskan lagi.

### 7. Sebarang komen anda tentang kakitangan PSAS.

Memang mesra pengguna dan suka membantu.

## Perlu banyakkkan bilik Karel..Lina Rozano

**B**agi sebuah perpustakaan akademik seperti PSAS, golongan pelajar adalah kumpulan pengguna yang terbesar menggunakan perkhidmatan dan bahan yang disediakan perpustakaan. Justeru segala respon serta komen dari pelajar adalah amat penting untuk memantapkan lagi kecekapan perkhidmatan terhadap pengguna. Pihak PSAS amat peka dengan komen dan aduan pelanggan (seperti dalam laporan kajian kepuasan pelanggan). Salah satu cara untuk mendapat komen daripada pelanggan adalah dengan cara temubual yang dijalankan ini. Ikuti temubual pustakawan Azean

Edawati, dan Samsida Shamsudin bersama Lina Rozano, pelajar dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul Universiti Putra Malaysia

### 1. Selalukah mengunjungi PSAS? Ya.

### 2. Apakah kemudahan/perkhidmatan yang pernah/sering digunakan?


Pinjaman buku/bahan bacaan, kemudahan internet & wireless, rujukan jurnal & bilik karel.

### 3. Apakah pendapat anda tentang perkhidmatan/kemudahan yang digunakan/diberi?

Memuaskan terutamanya dari segi



# PUSTAKAWAN PENGHUBUNG



**D**alam usaha untuk menyokong dan menggerakkan lagi aktiviti pembelajaran, pengajaran serta penyelidikan di UPM, Perpustakaan Sultan Abdul Samad telah memperkenalkan satu perkhidmatan, di mana semua mahasiswa dan kakitangan di Fakulti-fakulti boleh mendapatkan bantuan yang lebih khusus dalam pengajian/pengajaran masing-masing dengan menghubungi Pustakawan Penghubung.

Melalui program ini pihak Perpustakaan telah melantik seorang Pustakawan yang akan bertanggungjawab secara langsung ke atas fakulti, sekolah atau institut yang diwakili. Program ini antara lain bertujuan;

- Menjalin kerjasama dan memupuk persefahaman dua hala antara perpustakaan dan fakulti
- Membantu pengguna di dalam pencarian maklumat sama ada melalui lisan, telefon atau e-mel
- Mendidik pengguna di dalam penggunaan katalog perpustakaan, pangkalan data, internet dan lain-lain sumber rujukan.
- Mendidik pengguna untuk mengakses, mengenal pasti dan menilai bahan daripada pelbagai sumber maklumat
- Menjalankan sesi latihan teknik pencarian maklumat yang khusus
- Menyediakan program pendidikan pengguna dan sesi lawatan berpandu bagi pelajar baharu
- Membantu dalam mempertingkatkan perkhidmatan perpustakaan bagi memenuhi keperluan fakulti
- Membantu dalam mempertingkatkan perkembangan koleksi di dalam disiplin masing-masing (membekalkan maklumat bibliografi/senarai buku kepada fakulti)

## KHIDMAT KEPAKARAN

Pustakawan Penghubung sentiasa bersedia membantu anda untuk mengenal pasti sumber maklumat di dalam bidang berkaitan dan membantu mendapatkan bahan yang diperlukan untuk tujuan pembelajaran dan penyelidikan. Pustakawan ini juga akan

bertindak memberi maklum balas di atas cadangan daripada warga fakulti, sekolah atau institut serta menyokong keperluan fakulti, sekolah atau institut dalam pembangunan kurikulum dan program pengajian yang ditawarkan.

Hubungi Pustakawan Penghubung anda untuk mendapatkan maklumat dan bantuan sama ada secara individu atau berkumpulan.

### 1. En. Mohamad Jefri Mohamed Fauzi

Tel: 03-8946  
E-mel: [jefri@lib.upm.edu.my](mailto:jefri@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Sains Komputer dan  
Teknologi Maklumat  
Fakulti Ekologi Manusia  
Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)

### 2. Puan Fatimah Zahrah Amran

Tel: 03-89468625  
E-mel: [amza@lib.upm.edu.my](mailto:amza@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Kejuruteraan  
Fakulti Rekabentuk dan Senibina  
Institut Teknologi Maju

### 3. Puan Haslawati H. Maamor

Tel: 03-89468655  
E-mail: [hasla@lib.upm.edu.my](mailto:hasla@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan  
Sekolah Pengajian Siswazah

### 4. Cik Fazlin Hj. Shamsudin

Tel: 03-8948609  
E-mail: [fazlin@lib.upm.edu.my](mailto:fazlin@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Pusat Pendidikan Luar

### 5. Cik Norhazura Hamzah

Tel: 03-89468604  
E-mail: [hazura@lib.upm.edu.my](mailto:hazura@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Pertanian  
Fakulti Perhutanan  
Institut Pertanian Tropika  
Institut Perhutanan Tropika dan  
Produk Hutan

### 6. Puan Erni Suraya Abdul Aziz

Tel: 03-89468615  
E-mel: [erni@lib.upm.edu.my](mailto:erni@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan  
Fakulti Pengajian Alam Sekitar  
Institut Penyelidikan Produk Halal  
Institut Kajian Dasar Pertanian  
dan Makanan

### 7. Puan Azana Abdul Hadi

Tel: 03-89468615  
E-mel: [azana@lib.upm.edu.my](mailto:azana@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Bioteknologi dan  
Sains Biomolekul  
Institut Biosains  
Fakulti Sains  
Institut Penyelidikan Matematik

### 8. Puan Wan Faridah Wan Mansor

Tel: 03-89472318  
E-mel: [wfw@lib.upm.edu.my](mailto:wfw@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

### 9. Puan Azizah Zainal Abidin

Tel: 03-89468316  
E-mel: [azizah@lib.upm.edu.my](mailto:azizah@lib.upm.edu.my)  
Fakulti Perubatan Veterinar

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

**Ketua**  
**Bahagian Pengurusan Maklumat**  
**Perpustakaan Sultan Abdul Samad**  
**Universiti Putra Malaysia**  
**43400 UPM Serdang**  
**Serdang, Selangor.**

**Tel: 603-89468648/603-89468620**  
**Faks: 603-89483745**  
**Emel: [nhab@lib.upm.edu.my](mailto:nhab@lib.upm.edu.my)**

# Kotak Pemulangan Buku (BOOK DROP) MUDAHKAN PENGGUNA SIBUK

Oleh: Siti Razimah Mohd Noor

Kini, pelanggan PSAS boleh memulangkan buku-buku yang dipinjam tanpa perlu memasuki Perpustakaan. Mereka boleh menggunakan kemudahan Kotak Pemulangan Buku (Book Drop) untuk memulangkan buku sewaktu Perkhidmatan Perpustakaan ditutup atau dibuka.

**Caranya mudah. Anda hanya perlu memasukkan buku mengikut arah yang betul dan resit akan dikeluarkan. Pelanggan perlu menyimpan resit berkenaan sebagai bukti buku telah dipulangkan. Kotak Pemulangan Buku berkomputer ini bertempat di sebelah kiri pintu masuk Perpustakaan dan beroperasi dari jam 7.00 pagi hingga 11.45 malam termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am.**



"Book Drop Machine"



Memulangkan buku kini tidak semestinya dilakukan di kaunter

bersambung dari m/s 17

pengawalan keluar masuk & keadaan perpustakaan senyap serta kemudahan pinjaman buku (self-check machine) yang menyenangkan.

**4. Adakah perkhidmatan/kemudahan yang diberi memenuhi kehendak/keperluan anda? Ya.**

**5. Apakah cadangan anda untuk mengatasi @ memperbaiki perkhidmatan/kemudahan PSAS?** Kemudahan bilik karek diperbanyakkan serta pemantauan kerana kadangkala bilik bersebelahan membuat bising.

**6. Apakah pendapat anda tentang koleksi PSAS (tertentu @ keseluruhan)?** Memuaskan dan menarik.


**7. Sebarang komen anda tentang kakitangan PSAS.** Perkhidmatan daripada kakitangan bagus dan mesra.

## TAHUKAH ANDA...?

1. The **first** 'universal history' (early **encyclopedia** and **compendiums**) was written by **al-Tabari** of Baghdad (838-923) which, just to give an example of its scope and depth, devoted an entire volume to the **methodology** and means of history-making. Al-Tabari also wrote an authoritative text on the history of prophets and kings.

2. The **House of Wisdom** (Arabic **بیت الحکمة Bait al-Hikma**) was a library and translation institute in **Abbassid-era Baghdad**. It is considered to have been a major intellectual center of the Islamic Golden Age. The **head of the library** at the time, **Al-Kindi** (801-873) served well under this regime of work (until he fell out of political favor with the last Caliph he served, ended up having his personal library confiscated and was flogged in public).

Sumber: [http://en.wikipedia.org/wiki/House\\_of\\_Wisdom](http://en.wikipedia.org/wiki/House_of_Wisdom)



# Pengurusan MASA

Susunan: Erni Suraya Abdul Aziz

**P**enggunaan masa yang efektif adalah satu perkara yang selalu dibincangkan. Ramai orang menyatakan bahawa masa yang dipunyai mereka tidak mencukupi. Justeru itu selalunya mereka gagal dalam banyak perkara. Sebenarnya ini merupakan alasan semata-mata. Sebenarnya manusia diperuntukkan masa sebanyak 24 jam sehari semalam, samada manusia itu berjaya atau tidak berjaya. Kita lihat tokoh-tokoh di dalam bidang masing-masing. Semuanya adalah manusia biasa yang juga diperuntukkan masa yang sama dengan kita.

Terdapat beberapa perkara yang berkaitan dengan prinsip asas pengurusan masa. Antaranya ialah:

## 1. Mengubah tabiat lama yang negatif

Tabiat lama selalu juga disebut sebagai habit. Tabiat yang negatif mesti dibuang dari ianya berada dalam diri. Jika selama ini kita merupakan seorang yang selalu menanggukkan kerja maka kita perlu mengambil perhatian terhadap perkara ini.

## 2. Komunikasi

Komunikasi adalah faktor yang amat penting dalam pengurusan masa. Komunikasi juga memberikan implikasi yang besar jika kita tidak dapat menggunakan dengan berkesan dan terbaik.

Kita sering membazirkan masa kita, kerana kita sering berkomunikasi dengan cara yang tidak baik. Sebagai contoh: Semasa guru tiada di dalam kelas, kita sering berbual-bual kosong dengan kawan-kawan tentang hiburan, dan perkara-perkara yang sia-sia yang mana ianya tiada kaitan langsung dengan pelajaran.

## 3. Penumpuan

Selalunya kita akan merasa bosan dan jemu apabila perkara tersebut berkaitan dengan pelajaran. Apabila guru dan rakan-rakan bercakap tentang pelajaran kita sememangnya jarang memberi tumpuan. Tetapi apabila kawan-kawan menceritakan tentang perkara yang kita minati seperti hiburan dan sebagainya, semuanya itu kita dapat berikan tumpuan walaupun kita dalam keletihan. Oleh sebab itu ubah suasana supaya kita dapat memberikan konsentration pada pelajaran. Jika guru sedang memberikan pengajaran, berikan tumpuan. Gangguan yang lain perlu dielakkan.

## 4. Rehat

Manusia perlu rehat di dalam setiap perkara. Rehat adalah faktor penting dan sering dikaitkan dengan tidur.



Setiap manusia memerlukan rehat yang cukup.

Maksudnya kita tidur atau berehat adalah apabila kita benar-benar terasa bahawa kita perlu tidur. Kadang-kadang kita lihat ramai orang mengatakan bahawa mereka perlu tidur pada petang selama 3 jam dan waktu malam selama 8 jam. Ini adalah kaedah yang tidak begitu baik. Sepatutnya kita mesti menguruskan waktu tidur dengan berkesan.

Jelaslah kepada kita sekarang bahawa prinsip asas kepada pengurusan masa perlu diketahui oleh kita. Dengan yang

demikian maka kita akan lebih bijak untuk mendisiplinkan diri dan membuat jadual waktu untuk aktiviti pembelajaran.

Berdasarkan kepada perbincangan tadi, maka dapat disimpulkan di sini bahawa pengurusan masa yang baik adalah penggunaan masa yang berkualiti. Kualiti masa dicapai dengan adanya prinsip asas bagi kita menguruskan masa. Justeru itu aktiviti pembelajaran akan menjadi lebih berkesan dan penuh bermakna.

Dipetik daripada :-  
Membina Kendiri Unggul Berkarisma  
Amer Shakir Zainol  
Kaunselor UiTM Segamat.



# KERJA sebagai Satu Ibadah

Susunan: Ustaz Haris Dahlan

## PENDAHULUAN

**Di dalam Perlembagaan Negara ini – Bahagian 1, perkara 3 (I) – tercatat: “Ugama Islam ialah Ugama persekutuan; tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan”.**

Oleh kerana agama adalah suatu ciri penting bagi negara ini maka sewajarnya kita berusaha menerapkan nilai-nilai Islam kepada tatacara perkhidmatan awam negara, ini selaras dengan peruntukan perlembagaan seperti yang tertera di atas. Sebagai permulaan, hendaklah disedari bahawa Islam menuntut setiap manusia bekerja, berusaha mencari rezeki bagi menyara dirinya, keluarganya dan juga bagi ibubapanya yang telah tua. Di samping itu Islam juga menyatakan bahawa sesuatu “KERJA” yang halal ialah tugas yang diamanahkan oleh Allah kepada seseorang insan. Maka apabila seseorang itu menjalankan tugasnya ataupun bekerja, dengan sendirinya bererti, bahawa insan tersebut sedang menunaikan amanah Allah. Dengan kata-kata lain hamba Allah itu beribadat. Maka menurut Islam setiap kerja yang diredhai oleh Allah dan disertai dengan niat adalah ibadat. Oleh demikian setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap kegiatannya menjalankan kerja yang halal adalah wajib baginya dan kegiatannya itu sekiranya dimulai dengan niat, hendaklah dianggap

sebagai ibadat. Bahkan Nabi Muhammad S.A.W. ada bersabda yang bermaksud:

*“Barangsiapa bekerja untuk anak isterinya melalui jalan yang halal, maka bagi mereka pahala seperti orang yang berjihad di jalan Allah.”* (Riwayat Al-Bukhari)

Selain dari itu Rasulullah S.A.W. juga ada bersabda yang bermaksud:

*“Mencari kerja yang halal itu adalah fardhu selepas fardhu”.* (Riwayat Al-Baihaqi)

### PENGERTIAN KERJA:

Kerja atau amal menurut Islam dapat diertikan dengan makna yang umum dan makna yang khusus. Amal dengan makna umum ialah melakukan atau meninggalkan apa jua perbuatan yang disuruh atau dilarang oleh agama yang meliputi perbuatan baik atau jahat. Perbuatan baik dinamakan amal soleh dan perbuatan jahat dinamakan maksiat.

Adapun kerja atau amal dengan maknanya yang khusus iaitu melakukan pekerjaan

atau usaha yang menjadi salah satu unsur terpenting dan titik tolak bagi proses kegiatan ekonomi seluruhnya. Kerja dalam makna yang khusus menurut Islam terbahagi kepada:

1. Kerja yang bercorak jasmani (fizikal)
2. Kerja yang bercorak aqli/fikiran (mental)

Dari keterangan hadis-hadis Rasulullah (s.a.w), terdapat kesimpulan bahawa konsep kerja menurut Islam adalah meliputi segala bidang ekonomi yang dibolehkan oleh syarak sebagai balasan kepada upah atau bayaran, sama ada kerja itu bercorak jasmani (fizikal) seperti kerja buruh, pertanian, pertukangan tangan dan sebagainya atau kerja bercorak aqli (mental) seperti jawatan pegawai, baik yang berupa peruruan, iktisas atau

*bersambung ke m/s 23*



Melayan pelanggan dengan mesra juga adalah tatacara kerja yang baik

**BERTUKAR BAHAGIAN**

Zarenah Wagino

Sekarang: **Bahagian Media dan Arkib**

Dahulu: **Bahagian Sistem dan Teknologi Maklumat**

Hazlindah Basiron

Sekarang: **Bahagian Rujukan**

Dahulu: **Bahagian Pengurusan Maklumat**

Azian Edawati Hj. Zakaria

Sekarang: **Bahagian Sirkulasi**

Dahulu: **Bahagian Pengurusan Maklumat**

Azizan Arshad

Sekarang: **Perpustakaan Sains Veterinar**

Dahulu: **Bahagian Koleksi Khas**

Roslan Ariffin

Sekarang: **Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan**

Dahulu: Bahagian Rujukan

Liza Ab Llah

Sekarang: **Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan**

Dahulu: **Bahagian Pembangunan Koleksi**

**KENAIKAN PANGKAT****Pustakawan S48**

Encik Muzaffar Shah Kassim

Puan Azizah Zainal Abidin

Puan Salmah Abdullah

**Pustakawan S44**

Puan Zuhaini Abdul Samad

Cik Azian Edawati Hj Zakaria

Pembantu Perpustakaan S22

Puan Haslina Kadir

Encik Zaharudin Abdul Manap

**PERTUKARAN KE LAIN JABATAN**

Encik Mohd Rusdi Hassan (Penerbit UPM)

Encik Zamili Mohamad (Fakulti

Kejuruteraan)

Puan V Alagammah a/p A. Vellasamy

(Penerbit UPM)

**PENERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG 2007****Kumpulan P & P (Pustakawan)**

1. Puan Zuhaini Abdul Samad

2. Puan Nor Hajar Abu Bakar

3. Puan Rosmala Abdul Rahim

**(Kumpulan Sokongan)**

1. Encik Mustaffa Ramli

2. Encik Razak Sulaiman

3. Encik Zaharudin A. Manap

4. Encik Mohd Zulkifly Othman

5. Puan Halimah Jantan

6. Encik Abdul Haris Wahab

7. Encik Sandran a/l Tayami

8. Encik Mustapah Islamudin

**PENERIMA****ANUGERAH BAKTI PUTRA 2007**

1. Encik Anas Bin Yahya

2. Encik Fathiyah Bt Hj Salleh

3. Encik Fatimah Bt Hj Hashim

4. Encik Halimah Bt Ahmad

5. Encik Idris Bin Bahaman

6. Encik Jamil Bin Dani

7. Encik Kamarudin Bin Abdul Kadir

8. Encik Md Said Nordin

9. Encik Muhamad Bin Nordin

10. Encik Musa Bin Dawood

11. Encik Palanisamy a/l Renggan

12. Puan Ramlah Bt Husin

13. Puan Rohana Bt Hashim

14. Encik Sandran a/l Tayami

15. Puan V Alagammah a/p A. Vellasamy

16. Encik Zainudin Bin Idris

**PENERIMA****ANUGERAH JASA PUTRA 2007**

1. Encik Kamarudin Bin Abdul Kadir

2. Encik Muhamad Bin Nordin

# RENUNGAN

## RAYUAN PELANGGAN

Susunan: Mohd Noorsyafzal Che Lan

Jangan jual pakaian kepada saya

Jual kepada saya kesegakan, gaya, dan kecantikan

Jangan jual insurans kepada saya

Jual kepada saya ketenangan jiwa dan masa depan yang cerah bagi saya dan keluarga saya

Jangan jual rumah kepada saya. Jual kepada saya

keselesaan, kepuasan, pelaburan yang baik, dan rasa bangga memilikinya

Jangan jual buku kepada saya. Jual kepada saya

masa-masa yang menyeronokkan, pengetahuan yang tidak ternilai dan pelaburan yang menguntungkan.

Jangan jual mainan kepada anak saya. Jual kepada saya

detik-detik kegembiraan, keseronokan, dan kasih sayang.

Jangan jual komputer kepada saya. Jual kepada saya

kepuasan, kecanggihan, dan manfaat daripada keajaiban teknologi moden.

Jangan jual tayar kereta kepada saya. Jual kepada saya kebebasan daripada kebimbangan dan kos sebatu yang rendah, dan keselamatan seisi keluarga.

Jangan jual tiket kapal terbang kepada saya. Jual

kepada saya ketibaan yang cepat, selamat, dan tepat dengan rasa seperti orang kaya.

Jangan jual barang kepada saya. Jual kepada saya

kesempurnaan, bangga diri, kedamaian, dan kegembiraan.

Jangan jual ubat kepada saya. Jual kepada saya

kesihatan yang baik dan kesejahteraan hidup.

**TOLONGLAH JANGAN JUAL BARANG KEPADA SAYA**

Petikan renungan daripada buku

Pengurusan Khidmat Pelanggan: Petua dan Teknik

Pengarang : Rahmat Ismail

bersambung dari m/s 21

jawatan perkeranian dan teknikal dengan kerajaan atau swasta. Antara hadis-hadis tersebut ialah:

*"Tidaklah ada makanan seseorang itu yang lebih baik daripada apa yang dimakannya dari hasil usaha tangannya sendiri".* (Riwayat al-Bukhari)

Di samping itu kita hendaklah juga mengetahui bahawa setiap tugas atau kerja yang diberi oleh Allah kepada seseorang itu adalah menurut kemampuan orang yang berkenaan seperti yang ternyata di dalam firman Allah yang bermaksud:

*"Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan apa yang terdaya olehnya".* (Al-Baqarah : 286)

Ayat ini menegaskan bahawa tidak ada sebab bagi seseorang pekerja itu mengeluh dan mengatakan bahawa tugasnya terlalu berat dan sukar. Dengan sendirinya ayat itu juga menekankan bahawa seseorang pekerja itu boleh menyelesaikan segala tugas jawatannya melainkan pekerja itu sendiri tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya. Selain dari itu setiap manusia hendaklah insaf bahawa menurut ajaran Islam setiap kegiatan kita di dunia ini akan diperhitungkan di akhirat nanti sebagaimana ternyata di dalam firman Allah yang bermaksud: *"Tiap-tiap diri bertanggungjawab terhadap apa yang telah diperbuatnya".* (Al-Muddaththir : 38)

Ini bererti bahawa sekiranya kita tidak menunaikan kerja kita dengan sewajarnya, seperti kita mencuri masa dengan membuat kerja peribadi di dalam waktu pejabat, melengah-lengahkan bayaran kepada pemborong, meluluskan permohonan yang sepatutnya ditolak dan seumpamanya maka semestinyalah kita akan dihukum di akhirat kelak walaupun kita mungkin terlepas daripada tindakan tatatertib atau pun hukuman di dunia ini. Sebaliknya berbahagialah kita di dunia dan akhirat sekiranya kita melaksanakan tugas kita dengan sewajarnya menurut tuntutan Islam.



Kerja menurut Islam adalah meliputi segala bidang ekonomi yang dibolehkan oleh syarak



Kita perlu ikhlas dalam melakukan kerja di pejabat

Daripada semua yang diutarakan di atas ini jelaslah bahawa menurut ajaran Islam, setiap manusia wajib mempunyai kerja. Islam benci kepada pengemis dan penganggur. Di samping itu seseorang pekerja mestilah melaksanakan tugasnya. Kita perlu ikhlas dalam melakukan kerja di pejabat dengan sebaik-baiknya kerana Allah telah menegaskan bahawa setiap pekerja itu berupaya dan mampu untuk menunaikan tanggungjawabnya. Samada seseorang pekerja itu dapat menunaikan tugasnya dengan baik atau tidak hanyalah bergantung kepada sikap pekerja itu sendiri. Seterusnya setiap kegiatan pekerja itu akan menerima ganjaran yang sewajarnya di akhirat nanti. Berasaskan semuanya ini maka etika kerja dalam Islam adalah seperti :

1. Bekerja Dengan Azam Mengabdikan Diri Kepada Allah
2. Bekerja Dengan Ikhlas Dan Amanah
3. Bekerja Dengan Tekun Dan Cekap
4. Bekerja Dengan Semangat Gotong-Royong Dan Berpadu Fikiran
5. Bekerja Dengan Matlamat Kebahagiaan Manusia Sejagat

#### ETIKA KERJA PERTAMA:

##### **Bekerja Dengan Azam Mengabdikan Diri Kepada Allah**

Dengan menyedari dan menghayati bahawa manusia adalah hamba Allah, maka sewajarnya setiap manusia mengabdikan dirinya kepada Allah, dengan mengikuti segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya selaras dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

*"Wahai sekalian manusia! Sembahlah Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu supaya kamu bertaqwa".* (Al-Baqarah : 21)

Selanjutnya, dikemukakan satu lagi firman Allah yang maksudnya adalah seperti berikut:

*"Wahai orang-orang yang berilmu, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada orang yang berkuasa dari kalangan kamu." (An-Nisaa' : 59)*

Ayat ini pula menyuruh kita taat bukan sahaja kepada Allah tetapi juga kepada Rasulullah S.A.W. dan kerajaan kerana kerajaan itulah yang dimaksudkan dengan "orang yang berkuasa dari kalangan kamu". Bagi mentaati Allah dan Rasulullah S.A.W. maka setiap manusia hendaklah mempunyai kerja yang halal. Bagi mentaati kerajaan pula setiap pekerja awam hendaklah menjalankan tugasnya dengan sepenuh kesedaran bahawa jawatannya itu adalah amanah Allah kepadanya. Sekiranya ia tidak menunaikan tugasnya dengan sebaik-baiknya maka bererti pekerja tersebut telah pecah amanah kepada Allah. Sanggupkah kita yang mengakui bahawa kita ini hamba Allah, melakukan pecah amanah kepada Allah? Seterusnya seseorang pekerja hendaklah menyedari dan menghayati bahawa bekerja mencari nafkah yang dimulai dengan niat itu adalah ibadat. Bahkan Rasulullah S.A.W. telah bersabda yang bermaksud :

*"Orang yang mencari penghidupan itu adalah kawan Tuhan".* (Riwayat Al-Bukhari)

Dengan memahami maksud hadis ini dan menyedari bahawa bekerja itu bererti beribadat maka sewajarnya bagi setiap pekerja berusaha menunaikan tugasnya dengan sebaik-baiknya demi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat kelak.

Bersambung di keluaran akan datang...



## Kursus di MELAKA JANA SEMANGAT GIRANGKAN PELANGGAN

Oleh: Norhafizah Abdul Latif

**Melaka, 29 Jun – 1 Julai 2007-** Kursus Pemantapan Organisasi Ke Arah Kegirangan Pelanggan telah diadakan di Everly Resort Hotel, Melaka. Kursus ini dihadiri oleh semua kategori warga PSAS.

Kursus yang berjalan selama tiga hari ini, bertemakan **"Kegirangan Berpanjangan"** berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk:

1. Memantapkan lagi pengetahuan dan pengalaman staf PSAS khusus dalam bidang perkhidmatan pelanggan ke arah melahirkan staf yang mesra, berpenampilan menarik dan senang didekati.

2. Mencari pendekatan yang terbaik untuk mewujudkan suasana kegirangan pelanggan.

Tema yang dipilih tahun ini iaitu **"Kegirangan Berpanjangan"** amat menarik dan bersesuaian sekali dengan peranan serta tugas harian warga PSAS yang sentiasa berorientasikan pelanggan.

Selain daripada aktiviti ceramah, peserta juga berpeluang merapatkan ukhwah di kalangan warga PSAS melalui aktiviti berkumpul, perbincangan dan beriadah. Kemuncak kursus ini adalah pada malam terakhir iaitu "Malam Kebudayaan" di mana warga PSAS berpeluang menonjolkan bakat terpendam mereka. Sesi penyampaian hadiah menjadi penutup tirai pada malam tersebut.

Untuk melengkapkan lagi pengisian kursus, satu slot khas oleh Wakil Pengurusan SPK PSAS, Puan Rabiah Ismail telah diadakan sebelum Majlis Penutup yang telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan, Encik Amir Hussain Md Ishak.

Secara keseluruhannya, Kursus Pemantapan Organisasi Ke Arah Kegirangan Pelanggan telah memberi impak positif ke arah pemantapan semangat kerjasama dalam organisasi sekaligus mampu mencetuskan perasaan kegirangan kepada pelanggan. Tambahan pula kursus ini juga telah memberi impak yang positif kepada semua staf PSAS apabila PSAS berjaya mengekalkan sijil ISO 9001 : 2000 yang diperolehi sejak 2 tahun yang lalu. Kejayaan ini menjadi kejayaan bersama seluruh warga PSAS. Tahniah PSAS!